

MODUL CELIK KEWANGAN BSN-KPM SEKOLAH MENENGAH



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Kata Pengantar	3
Pendahuluan	4
Matlamat & Objektif	5
Definisi Konsep Kewangan	5
Kerangka Pendidikan Kewangan	6
Sidang Redaksi & Panel Penggubal	10
Jadual Kandungan Modul Celik Kewangan BSN Sekolah Menengah	7 - 9
i. Elemen CK 1	11 - 18
- Wang, Sumber Pendapatan & Kerjaya	
ii. Elemen CK 2	19 - 30
- Tanggungjawab & Membuat Keputusan Kewangan	
iii. Elemen CK 3	31 - 38
- Pengurusan & Perancangan Kewangan	
iv. Elemen CK 4	39 - 49
- Simpanan & Pelaburan	
v. Elemen CK 5	50 - 60
- Pengurusan Kredit & Hutang	
vi. Elemen CK 6	61 - 67
- Pengurusan Risiko, Perlindungan & Takaful / Insurans	

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita kehadiran Ilahi atas nikmat kurniaNya, BSN telah menerbitkan 'Modul Celik Kewangan BSN Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah' sebagai bahan sokongan elemen pendidikan kewangan dalam kokurikulum sekolah. BSN berbesar hati kerana mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Elemen pendidikan kewangan merupakan elemen penting dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi serta dianggap sebagai kemahiran hidup yang amat penting dalam abad ke-21. Sehubungan itu, KPM dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah bekerjasama untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan dalam kokurikulum sekolah.

Banyak kajian dilakukan telah mengesahkan kepentingan pendidikan kewangan pada awal usia kanak-kanak. Antara kesan positifnya adalah ia mampu membentuk dan menggalakkan tingkah laku kewangan yang sihat pada masa hadapan. Memandangkan kedudukan dan tahap celik kewangan rakyat Malaysia pada masa kini masih rendah, maka keutamaan diberikan pada penggunaan wang secara bijak, perbelanjaan dan simpanan yang mampu membentuk asas kemahiran kewangan. Justeru, BSN mengambil inisiatif menghasilkan modul ini sebagai salah satu cara agar mereka celik berkaitan kewangan.

BSN merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih atas kerjasama daripada pelbagai pihak terutama guru-guru sekolah dan kakitangan yang terlibat sehingga berjaya menerbitkan modul ini.

Sekian,

Jay Khairil

Ketua Eksekutif BSN

PENDAHULUAN

Menurut artikel ditulis oleh Mohd Riduan Masri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau menyatakan bahawa elemen pendidikan kewangan adalah sebuah proses yang meningkatkan pemahaman produk, konsep dan risiko kewangan supaya dapat mengambil tindakan berkesan demi kesejahteraan kewangan. Ini adalah bagi meningkatkan pendedahan kepada murid mengenai kepentingan membuat keputusan kewangan yang bijak bagi menjamin kesejahteraan individu, masyarakat dan negara.

Menerusi kajian BNM, kadar peningkatan golongan muda diisytiharkan muflis adalah dalam kadar yang membimbangkan. Hal ini kerana, kekurangan pengetahuan dan disiplin dalam mengurus kewangan dikenal pasti sebagai punca utama muflis. Generasi muda kebanyakannya mula berhutang ketika mereka berada di institusi pengajian tinggi dan awal pekerjaan. Implikasinya, kesilapan dalam percaturan perbelanjaan akan menyebabkan mereka mudah terperangkap. Selain itu, golongan muda yang memenuhi tuntutan gaya hidup masa kini dan sering berbelanja di luar kemampuan menyebabkan mereka menjadi muflis pada usia yang muda. Perkara seperti ini adalah satu perkara yang sangat membimbangkan.

Oleh itu, wujudnya Modul Celik Kewangan BSN ini adalah salah satu inisiatif bagi memberi pendedahan awal kepada murid-murid sejak di bangku sekolah lagi. Seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah daripada rebungnya'. Modul ini juga bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murid terhadap pengurusan dan perancangan kewangan. Tumpuan utama diberikan terhadap pengurusan kewangan, simpanan, pelaburan, pengurusan kredit, hutang serta perlindungan insurans dan kerahsiaan maklumat peribadi. Modul ini turut mengandungi contoh aktiviti atau program yang boleh dilaksanakan di luar bilik darjah semasa program kokurikulum berlangsung. Para guru boleh menggunakan modul ini bagi mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan dalam mata pelajaran yang difikirkan relevan dan bersesuaian.

MATLAMAT

Modul Celik Kewangan BSN ini bermatlamat untuk melahirkan murid yang celik berkaitan kewangan, mempunyai ilmu dan kefahaman serta berkemahiran dalam menguruskan kewangan agar mereka lebih berkeyakinan dalam menguruskan kewangan dengan cekap selain bijak membuat keputusan kewangan.

OBJEKTIF

Modul Celik Kewangan BSN bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak.
2. Mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika.
3. Berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

DEFINISI KONSEP KEWANGAN

Modul Celik Kewangan BSN bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak.
2. Mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika.
3. Berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

KERANGKA PENDIDIKAN KEWANGAN

CK 1

Wang, sumber pendapatan
dan kerjaya

CK 2

Tanggungjawab dan membuat keputusan
kewangan

CK 3

Pengurusan
dan perancangan kewangan

CK 4

Simpanan
dan pelaburan

CK 5

Pengurusan kredit
dan hutang

CK 6

Pengurusan risiko,
pelindungan dan insurans

6 elemen tersebut merupakan standard celik kewangan yang telah ditetapkan oleh BNM untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan.

PELAKSANAAN

BSN telah menghasilkan panduan dalam modul ini mengikut 6 elemen celik kewangan yang telah digariskan dan boleh dilaksanakan dengan masa dicadangkan mengikut tajuk ditetapkan.

Modul ini mengandungi 6 tajuk yang memberi tumpuan kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai celik kewangan. Ini bertujuan bagi melahirkan murid yang boleh membudayakan kemahiran mengurus kewangan dengan cekap selain bijak membuat keputusan kewangan.

Kandungan modul ini boleh dilaksanakan mengikut mata pelajaran yang bersesuaian di dalam bilik darjah, kegunaan bagi aktiviti kokurikulum dan program khas anjuran sekolah serta BSN.

**JADUAL: KANDUNGAN MODUL CELIK KEWANGAN BSN
DALAM KOKURIKULUM SEKOLAH MENENGAH**

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 1 Wang, sumber pendapatan & kerjaya	Topik 1.1 Berwang	- Menjelaskan pendapatan yang diperoleh dan pendapatan pasif (hadiah, dividen). - Mengenal pasti sumber pendapatan yang diperoleh dan pendapatan pasif (pulangan daripada pelaburan, keuntungan simpanan atau pendapatan sewaan).	- Membuat nota dalam bentuk peta buih - Menjawab Quizizz	1/2 jam
	Topik 1.2 Nilai setiap keringat	Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji.	Perbincangan dalam kumpulan berkaitan kelebihan dan jenis skim potongan	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 2 Tanggungjawab dan membuat keputusan kewangan	Topik 2.1 Membuat keputusan kewangan dengan bijak	- Mengenal pasti keputusan Kewangan yang perlu dibuat pada setiap peringkat kehidupan. - Memberikan contoh sikap bertanggungjawab yang boleh membawa kesejahteraan kewangan sepanjang hayat. - Menerangkan kesan cara, sikap dan nilai individu terhadap keputusan kewangan.	Perbincangan dalam kumpulan	1/2 jam
	Topik 2.2 Undang-undang perlindungan pengguna	- Menjelaskan kepentingan undang-undang dan dokumentasi bertulis bagi melindungi pengguna. - Mengenal pasti agensi dan badan kerajaan yang boleh membantu pengguna dalam menyelesaikan masalah dan pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan.	Gallery walk	1/2 jam
CK 3 Pengurusan dan Perancangan Kewangan	Topik 3.1 Pelan Kewangan	- Membuat pelan kewangan peribadi seorang remaja. - Membincangkan faktor yang mempengaruhi aliran tunai.	- Menyusun huruf - Mengenal pasti kehendak dan keperluan - Aktiviti berkumpulan	1/2 jam
	Topik 3.2 Matlamat kewangan	- Mengenalpasti kajian semula untuk menyemak kewangan - Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi nilai bersih. - Menghasilkan penyata aliran tunai daripada kajian kes yang ringkas.	Merancang bajet	1/2 jam
CK 4 Simpanan dan Pelaburan	Topik 4.1 Simpan dan labur	- Membezakan antara simpanan dan pelaburan. - Mengenal pasti jenis-jenis akaun simpanan. - Mengenal pasti jenis-jenis pelaburan.	Lengkapkan jadual	1/2 jam
	Topik 4.2 Nilai pulangan dan risiko	- Mengenal pasti nilai pulangan atas setiap ringgit yang dilabur oleh pelabur. - Mengenal pasti perbezaan antara dividen, syer bonus dan keuntungan modal. - Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi nilai pulangan pelaburan.	Pilihan situasi	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 5 Pengurusan Kredit dan Hutang	Topik 5.1 Kad kredit	• Membezakan cara penggunaan kad kredit yang boleh memberikan kesan yang baik atau buruk. • Menjelaskan perbezaan pembayaran minimum dan pembayaran lewat.	• Mengenalpasti kelebihan dan kekurangan kad kredit • Perbandingan tawaran kad kredit	1/2 jam
	Topik 5.2 Gali lubang, tutup lubang	• Menghuraikan bahawa setiap hutang perlu dibayar dan kepentingannya. • Menjelaskan kebaikan membayar hutang tepat pada masanya. • Menjelaskan kepentingan untuk mewujudkan rekod kredit yang positif.	• Pembentangan	1/2 jam
CK 6 Pengurusan risiko, perlindungan & takaful/insurans	Topik 6.1 Jaga-jaga, ada yang memerhati	• Menyenaraikan tindakan bagi mencegah kecurian identiti. • Menghuraikan masalah menjadi mangsa kecurian maklumat peribadi.	• Senaraikan jenis maklumat peribadi • Cara mencegah kecurian identiti	1/2 jam
	Topik 6.2 Hidup ini berisiko	• Menerangkan maksud dan kepentingan insurans/takaful. • Memberikan contoh beberapa jenis insurans atau takaful dan mengenal pasti keperluan yang sesuai bagi setiap jenis.	• Perbezaan Insurans dan Takaful • Jenis-jenis takaful	1/2 jam

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Suzaini Mukhtar

Naib Presiden Kanan /Ketua, Jabatan Deposit & Pembayaran

Penasihat Editorial

Roslin Marjumin

Pengurus, Jabatan Deposit & Pembayaran

Wan Roslinawati Mohd Yaakob

Ketua Seksyen, Jabatan Deposit & Pembayaran

Editor

Dsuhada Ahmad

Nur Azian Shahrir

Mohd Marzuan Mohd Yusof

Grafik & Reka Bentuk Susun Atur

Nasrul Shazli Samil

Nasrul Hafiz Hamzah

Hazman Zuhairy

SENARAI PANEL PENGGUBAL MODUL

Puan Nurul Shahida Binti Hj. Ahmad

Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum, KPM

Panel Penggubal:

Modul Sekolah Rendah

Mohamad Paizal Bin Sanek - SK Binjai Jaya • Abdul Halim Bin A.Hamid - SK Desa Pandan, KL
• Rafidah Binti Ahmad - SK Putrajaya Presint 11(2) • Zulfadli Bin Zainal Abidin - SK St. Gabriel
• Jamilah Binti Mohamad - SK Kerubong • Wan Mohd Akmal - SK Putrajaya Presint 8(3) • Mohd
Hasani Abdul Aziz - SK Taman Kosas • Nor Azizah Binti Zakaria - SK Ampang • Mohd Hafiz Bin
Mungin - SK Jalan U3

Modul Sekolah Menengah

Nik Noralhuda Binti Nik Mohamed - SMK Putrajaya Presint 5(1) • Mardiana Binti Zainal - SMK
Dato' Ahmad Razali • Nor Azlina Binti Robani @ Mohyi - SMK Putrajaya Presint 9(2) • Roslan Bin
Haliman - SMK Seri Permaisuri • Zarith Shima Binti Ruslan - SMK St. Mary • Mohd Yazid Bin
Umar - SMK Jalan Empat • Zuraine Binti Mohamad Salleh Dzulkefli - SMK Batu Muda

ELEMEN CK 1
WANG,
SUMBER PENDAPATAN
& KERJAYA



BER'WANG'

Murid akan dapat mentakrifkan wang sebagai alat pertukaran dalam transaksi dan dapat mengaitkan pendidikan, pendapatan dan kerjaya dengan potensi pendapatan peribadi.



Objektif

Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif. (Menjana pendapatan pasif merupakan aktiviti yang hanya boleh dinikmati oleh mereka yang mempunyai status kewangan yang kukuh untuk menjana lebih banyak wang).



Hasil Pembelajaran

- Menjelaskan pendapatan yang diperoleh dan pendapatan pasif (hadiah, dividen).
- Mengenal pasti sumber pendapatan yang diperoleh dan pendapatan pasif (pulangan daripada pelaburan, keuntungan simpanan atau pendapatan sewaan).

1

DEFINISI PENDAPATAN

Pendapatan ialah **hasil jumlah pendapatan bulanan** yang diperoleh atau ganjaran yang dibayar atas sumbangan fizikal dan mental pekerja terhadap sesebuah syarikat atau organisasi.



2

APAKAH SUMBER PENDAPATAN YANG DIPEROLEH?

Pendapatan yang diperoleh merujuk kepada pendapatan yang diterima sama ada:

- Jumlah gaji; upah atau pampasan pekerja yang diterima dari majikan semasa bekerja atau
- Pendapatan oleh individu dari perniagaan mereka sendiri dan pendapatan tersebut termasuk semasa mengira pendapatan individu yang dikenakan cukai di bawah cukai pendapatan. Pendapatan atau pendapatan kasar ialah jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu (hasil daripada mata pencarian atau kerja yang dilakukan).



3

APAKAH SUMBER PENDAPATAN PASIF?

Terbahagi kepada dua (2) iaitu simpanan dan pelaburan.

- Membuat **simpanan** akan memberi keuntungan kepada penyimpan.
 - Simpanan** di bank - menabung perlu diamalkan sejak kecil.
 - Pulangan mengikut kadar keuntungan dan tempoh simpanan.
 - Jenis-jenis simpanan yang mempunyai pulangan faedah ialah akaun simpanan dan akaun simpanan tetap.
 - Pelaburan** - simpanan akan memberikan kadar faedah tetapi modal/prinsipal tetap sama (tiada risiko kehilangan modal).
 - Menyertai kempen simpanan dan ditawarkan hadiah seperti contoh Sijil Simpanan Premium (BSN).



4

MEMBUAT PELABURAN (PELABURAN KECIL, IMPAK BESAR)

- Pelaburan adalah satu cara untuk meningkatkan potensi modal/prinsipal. Matlamat pelaburan adalah untuk membeli pada harga yang rendah dan menjualnya pada harga yang lebih tinggi.
- Matlamat pelaburan - Pelaburan membantu bagi mengatasi inflasi melalui kadar faedah dan pertumbuhan modal.
- Risiko pelaburan - Ada kemungkinan pelabur memperoleh pulangan kurang daripada yang diharapkan atau hilang modal pelaburan/kerugian.
- Kepelbagaian - Meletakkan wang dalam pelbagai jenis pelaburan bagi mengurangkan risiko kerugian modal.

Amanah Saham

Pengurusan saham diuruskan oleh pengurus profesional yang bertauliah dalam bidang pelaburan. Wang yang dilabur memberi pulangan menguntungkan kepada pelabur.

Saham

Individu membuat pembelian saham berdasarkan pengetahuan tentang syarikat yang menerbitkan saham yang dijangkakan memberi pulangan baik dalam bentuk dividen dan keuntungan modal.

Hartanah

Membuat pelaburan atas aset tidak alih seperti membeli rumah kediaman, tanah, dan kedai. Hasil pulangan seperti hasil sewaan dan keuntungan dari jualan hartanah.



AKTIVITI:

- Murid dikehendaki membuat nota dalam bentuk peta buih jenis-jenis pelaburan.
- Murid dikehendaki menjawab latihan dalam **Quizizz**

https://quizizz.com/admin/quiz/6304468f7eaa7c00211e3310?source=quiz_page



Topik 1.2 :

NILAI SETIAP KERINGAT



Objektif

Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pendapatan boleh guna.



Hasil Pembelajaran

- Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji.

1

PERBEZAAN GAJI KASAR, GAJI BERSIH DAN GAJI POKOK

Gaji Kasar

Gaji kasar ialah gaji asas yang termasuk semua elaun tambahan, tetapi belum ditolak sebarang potongan atau caruman.

Gaji Bersih

Merujuk kepada jumlah wang yang anda terima ke dalam akaun bank anda sebagai bayaran untuk kerja yang anda lakukan.

Gaji Pokok

Gaji pokok bermaksud jumlah gaji bulanan yang anda terima tanpa mencampurkan sebarang elaun dan potongan.

DEFINISI PENDAPATAN BOLEH GUNA

Pendapatan boleh guna ialah pendapatan individu setelah ditolak potongan wajib iaitu cukai pendapatan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), zakat dan caruman (Pertubuhan Keselamatan Sosial) PERKESO.

Rumus pendapatan boleh guna = Jumlah pendapatan individu - potongan wajib.

Pendapatan boleh guna dapat digunakan untuk membuat perbelanjaan penggunaan atau tabungan (pendapatan boleh guna = perbelanjaan penggunaan + tabungan).

Jenis-jenis potongan: KWSP (EPF), PERKESO (SOCO), insurans / takaful, ANGKASA, Tabung Haji, Zakat, Cukai (LHDN).



Jenis potongan wajib ialah: KWSP, PERKESO, zakat dan cukai pendapatan perseorangan.

- KWSP - kadar caruman pekerja 11%, kadar caruman majikan 12%.
- PERKESO - kadar caruman pekerja 0.5% dan majikan 1.75%.
- Zakat - kadar zakat 2.5% daripada pendapatan setahun.
- Cukai pendapatan perseorangan - sumbangan wajib individu kepada kerajaan kesan daripada penerimaan pendapatannya melebihi satu jumlah tertentu dalam tempoh

 ABC SDN. BHD. 52, Jalan Awan Hijau, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia		03-03-2017	
NAME : ROWAN SEBASTIAN ATKINSON		STAFF NO : 058	
NRIC No : 800106 - 10 - 5821		Payslip for February, 2017	
EARNINGS	CURRENT (RM)	DEDUCTIONS	CURRENT (RM)
Basic Pay	2,500.00	Employee EPF Employee SOCSCO	275.00 12.25
Gross Total	2,500.00		
Employer EPF Employer SOCSCO	325.00 42.85	Total Deductions	287.25
Medical Leave = 1, Balance = 9 Annual Leave = 3, Balance = 17		NETT PAY	2,212.75

Pencarum KWSP diberi pilihan untuk memilih kadar berkanun bagi caruman syer pekerja iaitu sama ada sembilan peratus (9%) atau sebelas peratus (11%).

3

KELEBIHAN CARUMAN KWSP



KWSP
EPF

- a. Pekerja dan majikan akan mencarum.
- b. Dividen yang ditawarkan adalah tinggi berbanding simpanan biasa.
- c. Terdapat keuntungan bantuan apabila pencarum tidak mampu bekerja dan berlaku kematian.
- d. Pencarum dikecualikan cukai.
- e. Sebagai simpanan hari tua.

4

TERDAPAT 3 JENIS SKIM PERKESO IAITU:



- a. Skim Bencana Pekerjaan.
- b. Skim Keilatan.
- c. Skim Bencana Kerja Sendiri.

Skim ini memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami bencana kerja.

Antara contoh Skim adalah seperti berikut:

SKIM BENCANA PEKERJAAN

- i. Kemalangan semasa menjalankan pekerjaan.
- ii. Kemalangan semasa dalam perjalanan (*Commuting Accident*).
- iii. Kemalangan semasa kecemasan.
- iv. Penyakit khidmat.



SKIM ILAT

Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang menghidap keilatan atau kematian akibat daripada sebarang sebab.

SKIM BENCANA KERJA SENDIRI

Skim ini memberi perlindungan kepada orang berinsurans bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.



ELEMEN CK 2

TANGGUNGJAWAB

&

MEMBUAT KEPUTUSAN

KEWANGAN

KEPUTUSAN KEWANGAN YANG BIJAK

Murid akan dapat membuat keputusan kewangan peribadi secara sistematik berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai.



Objektif

Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab.



Hasil Pembelajaran

- Mengenal pasti keputusan kewangan yang perlu dibuat pada setiap peringkat kehidupan.
- Memberikan contoh sikap bertanggungjawab yang boleh membawa kesejahteraan kewangan sepanjang hayat.
- Menerangkan kesan cara, sikap dan nilai individu terhadap keputusan kewangan.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN MEMBUAT KEPUTUSAN KEWANGAN YANG BIJAK?

DEFINISI

Definisi membuat keputusan kewangan ialah sesuatu proses menentukan sebelum membeli barangan atau perkhidmatan, sama ada dilakukan secara bersama di antara ahli keluarga.

Sebagai seorang anak, tentukan siapakah yang terlibat dalam menentukan keputusan kewangan anda?

Membuat keputusan kewangan berbeza mengikut keperluan dan peringkat kehidupan. Sebagai seorang murid kita perlu sedar keperluan hidup kita sebagai seorang pelajar sebelum membuat keputusan kewangan.




Contohnya:

Membuat keputusan kewangan murid sekolah berbeza dengan membuat keputusan kewangan orang dewasa yang telah bekerja.



AKTIVITI:

Bincangkan dalam kumpulan sekiranya anda mempunyai duit sebanyak RM2,000.00. Apakah yang akan anda beli? Jelaskan kenapa anda perlu membeli barangan tersebut. (Rujuk Lampiran CK1)




SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN KEWANGAN YANG BIJAK, TERDAPAT BEBERAPA FAKTOR YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN:



Sikap : Mendahulukan keperluan daripada kehendak.

Amalan: Mengamalkan kehidupan wasatiah dalam segala aspek kehidupan.




AKTIVITI :

Secara berpasangan bincangkan contoh-contoh amalan dan sikap yang baik dalam kehidupan kita.



10 LANGKAH UNTUK MEMBANTU ANDA MENCAPAI KESEJAHTERAAN KEWANGAN:



4

TANGGUNGJAWAB KEWANGAN BERMULA DENGAN SAYA

Melakukan perubahan:

Langkah pertama dalam mengendalikan pengurusan kewangan peribadi anda ialah dengan mengenali dan mengkaji sikap anda semasa berurusan dengan duit. Anda bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan anda. Hanya dengan inisiatif anda sendiri, anda dapat memperbaiki keadaan kewangan anda sekarang.

5

KESAN CARA, SIKAP DAN NILAI INDIVIDU TERHADAP KEPUTUSAN KEWANGAN

Cara yang betul membuat keputusan kewangan ialah:

- i. Faham keadaan kewangan anda.
- ii. Tetapkan keutamaan peribadi dan matlamat kewangan.
- iii. Buat dan ikut belanjawan.
- iv. Menubuhkan dana kecemasan.

Sikap : Mendahulukan keperluan berbanding kehendak dalam apa jua tindakan yang bakal dilakukan.

Nilai individu : Mengamalkan wasatiah dalam kehidupan agar tidak berlebih-lebihan dan membazir.

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA

Murid akan dapat menjelaskan kepentingan undang-undang bagi melindungi pengguna dan dapat mengenal pasti agensi badan kerajaan yang boleh membantu pengguna.



Objektif

Menjelaskan undang-undang perlindungan pengguna yang utama secara ringkas.



Hasil Pembelajaran

- Menjelaskan kepentingan undang-undang dan dokumentasi bertulis bagi melindungi pengguna.
- Mengenal pasti agensi dan badan kerajaan yang boleh membantu pengguna dalam menyelesaikan masalah dan pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan.

1

UNDANG-UNDANG DAN DOKUMENTASI BERTULIS MELINDUNGI PENGGUNA

Undang-undang pengguna ialah **undang-undang yang menekankan hak pengguna** dalam aspek pembekalan barang dan perkhidmatan, keselamatan barang dan perkhidmatan, liabiliti produk, perlakuan yang mengelirukan dan memperdaya serta remedi pengguna (Afida, Elistina & Syuhaily, 2014).



2

DOKUMEN-DOKUMEN BERTULIS

Dokumen-dokumen bertulis

Resit

Perjanjian jual beli
(sales and purchase)

Invois

3

KEPENTINGAN UNDANG-UNDANG PENGGUNA

- Kepentingan undang-undang pengguna.
- Memastikan keselamatan fizikal pengguna.
- Melindungi pengguna daripada dibekalkan dengan barangan – barangan atau perkhidmatan yang boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan pengguna.
- Memberi perlindungan ke atas kepentingan ekonomi pengguna dan keselamatan pengguna.
- Melindungi kepentingan ekonomi pengguna.

4

KEPENTINGAN DOKUMEN-DOKUMEN BERTULIS

- Rekod perbelanjaan.
- Untuk mengesan perubahan harga yang dibayar tidak sama dengan harga jualan yang dipamerkan.
- Sebagai bukti untuk tujuan tuntutan hak ganti rugi / waranti sama ada dari penjual mahupun melalui Tribuna Tuntutan Pengguna Malaysia.



AKTIVITI :

Buat carian akta-akta yang melibatkan isu-isu kepenggunaan. Paparkan dalam bentuk 'Gallery Walk'.





AGENSI-AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN ISU-ISU KEPENGGUNAAN

Agensi Kerajaan

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)	Biro Pengaduan Awal (BPA)
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA)
Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)	Biro Pengaduan Awam (BPA)
Kementerian Kesihatan Malaysia	Aduan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan

Pertubuhan Bukan Kerajaan/Non-government Organization (NGO)

Persatuan Pengguna Islam	Pusat Khidmat Aduan Pengguna
--------------------------	------------------------------

Agensi-agensi Lain

Biro Pengantaraan Kewangan	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
----------------------------	-------------------------------



Sistem E-Aduan membolehkan pengguna membuat aduan kepada KPDNKK berkaitan sebarang aktiviti perniagaan yang tidak beretika.



Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia menyediakan alternatif kepada pengguna untuk memfailkan sebarang ganti rugi dan pampasan terhadap peniaga secara.



Biro Pengaduan Awam (BPA) memberi kemudahan kepada rakyat untuk membuat aduan terhadap agensi kerajaan.



TTPR menyediakan alternatif untuk mendengar dan mengadili tuntutan pembeli yang menuntut ganti rugi dan pampasan daripada pemaju perumahan dengan cara yang lebih mudah.



Sekiranya anda ingin membuat sebarang aduan, pertanyaan, cadangan yang berkaitan perkhidmatan tenaga, teknologi hijau dan air, sila kemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam laman ini.



Pengguna boleh membuat aduan kepada pihak Suruhanjaya tentang sebarang isu berkaitan dengan sektor komunikasi dan multimedia merangkumi telekomunikasi, penyiaran, perkhidmatan internet, perkhidmatan pos, kurier dan pensijilan digital.



Sistem aduan Kementerian Kesihatan ini dibangunkan sebagai medium untuk pengguna membuat aduan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi terbabit



Pusat aduan setempat bagi membantu para pengguna menyelesaikan masalah dan aduan. Ia turut bertindak sebagai pengantara mempertemukan pengguna dan peniaga bagi menyelesaikan pertikaian.



Sistem aduan pengguna yang dibangunkan oleh pihak PPIM untuk memberikan saluran alternatif dalam menerima aduan daripada golongan pengguna di Malaysia.



Menerima aduan mengenai salah laku dan kesalahan lain dalam sekuriti dan pasaran niaga hadapan serta menilai sama ada terdapat kesalahan di bawah undang-undang sekuriti.



Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara anda dengan penyedia perkhidmatan kewangan anda dalam kalangan ahli-ahli BPK.

ELEMEN CK 3
PENGURUSAN
&
PERANCANGAN
KEWANGAN

PELAN KEWANGAN

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mengurus wang secara berkesan dengan mengenalpasti matlamat kewangan dan membuat rancangan perbelanjaan.



Objektif

Membuat keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira alternatif dan kesan.



Hasil Pembelajaran

- Membuat pelan kewangan peribadi seorang remaja.
- Membincangkan faktor yang mempengaruhi aliran tunai.

1

KESAN CARA, SIKAP DAN NILAI INDIVIDU TERHADAP KEPUTUSAN KEWANGAN

Cara yang betul membuat keputusan kewangan ialah:


i. Pelan kewangan diwujudkan bagi membantu individu memantau aliran tunai. Dua (2) komponen penting dalam menyediakan pelan kewangan ialah sumber pendapatan dan perbelanjaan.

ii. Pendapatan terdiri daripada pendapatan aktif dan pasif. Pendapatan aktif adalah pendapatan utama seperti gaji dan elaun. Pendapatan pasif seperti sewa rumah.

iii. Perbelanjaan terdiri daripada perbelanjaan tetap dan perbelanjaan tidak tetap. Perbelanjaan tetap adalah perbelanjaan yang mesti dibayar seperti bayaran ansuran kenderaan. Perbelanjaan tidak tetap adalah perbelanjaan yang berubah setiap bulan.


iv. Pelan kewangan ini juga dapat membantu individu merancang bajet bagi mencapai matlamat melalui simpanan dan pelaburan.

v. Langkah-langkah mewujudkan pelan kewangan adalah seperti berikut:



KONSEP SMART DALAM PERANCANGAN KEWANGAN

i. Matlamat kewangan adalah aspek paling penting dalam membuat perancangan kewangan. Konsep *SMART* dapat membantu individu mengawal perbelanjaan bagi mencapai sesuatu matlamat kewangan yang dirancang.



ii. Penjelasan konsep *SMART*:

Specific (Khusus): Menyatakan matlamat dengan khusus contoh matlamat membeli telefon bimbit.

Measureable (boleh diukur): Menentukan nilai harga telefon bimbit yang hendak dibeli.

Attainable (boleh dicapai): Memastikan pendapatan dan simpanan cukup untuk capai dengan nilai harga telefon bimbit.


Realistic (bersifat realistik): Matlamat membeli telefon bimbit dapat dicapai dengan menambahkan pendapat dan meningkatkan simpanan.

Time-bound (tempoh masa): Menetapkan tempoh masa untuk capai matlamat.

**AKTIVITI 1:**

Murid diminta untuk menyusun setiap huruf hingga menjadi suatu ayat.

<https://wordwall.net/ms/resource/35046928>

**AKTIVITI 2:**

Mengenal pasti kehendak dan keperluan.

<https://wordwall.net/ms/resource/35049870>

**AKTIVITI 3:**

1. Guru mengagihkan pelajar kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan kertas sebak.
3. Guru memberikan tugas.

**TUGASAN BERDASARKAN KONSEP SMART:**

1. Murid menetapkan matlamat khusus yang hendak dicapai.
2. Murid menentukan nilai matlamat yang hendak dicapai.
3. Murid menilai sumber kewangan yang ada cukup untuk capai matlamat.
4. Murid mengenal pasti tindakan menambahkan sumber kewangan bagi mencapai matlamat.
5. Murid menetapkan tempoh masa untuk matlamat tercapai.
6. Murid akan membentangkan hasil perbincangan dalam kumpulan.



Topik 3.2 :

MATLAMAT KEWANGAN



Objektif

Menyediakan pelan untuk mendapat nilai bersih yang positif.



Hasil Pembelajaran

- i. Mengenalpasti kajian semula untuk menyemak kewangan
- ii. Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi nilai bersih.
- iii. Menghasilkan penyata aliran tunai daripada kajian kes yang ringkas.

1

Apakah mengkaji semula dan menyemak kewangan?

- i. Mengkaji semula dan menyemak pelan kewangan yang dirancang bagi memastikan nilai bersih dalam aliran tunai adalah positif, matlamat tercapai dan perubahan dapat dilaksanakan.

2

Tujuan mengkaji semula dan menyemak kemajuan

- i. Memastikan aliran tunai sentiasa positif.
- ii. Memastikan murid mencapai matlamat yang dirancang.
- iii. Bersedia mengubah matlamat jika tidak realistik.

3

Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai bersih aliran tunai

Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai bersih aliran tunai adalah:

- i. Kadar inflasi.
- ii. Pendapatan pasif / aktif.
- iii. Perubahan dalam pembelanjaan.
- iv. Perubahan dalam dasar pencukaian dan ekonomi negara.

BUTIRAN	RM
PENDAPATAN (AKTIF) - Gaji.	
PENDAPATAN (PASIF) - Sewa bulanan.	
(TOLAK) SIMPANAN - Simpanan tetap dan simpanan kecemasan.	
(TOLAK) PERBELANJAAN TETAP - Pinjaman rumah, ansuran kereta, insurans.	
(TOLAK) PERBELANJAAN TIDAK TETAP - Utiliti - rumah, bil telefon, belanja petrol.	
PENDAPATAN LEBIHAN (Nilai Bersih).	

- Aliran tunai akan menghasilkan nilai bersih positif dan negatif;
 - i. Aliran tunai positif – membolehkan simpanan dilakukan dan mencapai matlamat kewangan seperti yang dirancang.
 - ii. Aliran tunai negatif – menyebabkan seseorang sukar mencapai matlamat kewangan dan mungkin mendorong seseorang mendapatkan pinjaman.



AKTIVITI :

Murid diminta untuk mengisi setiap ruangan berikut mengikut bajet masing-masing.



ELEMEN CK 4
SIMPANAN
& PELABURAN

SIMPAN DAN LABUR

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mencapai matlamat jangka panjang yang berkaitan dengan simpanan dan pelaburan bagi memberikan jaminan kewangan dan kekayaan.



Objektif

- i. Membincangkan cara simpanan/pelaburan dapat membantu ke arah kesejahteraan kewangan.
- ii. Menerangkan cara simpanan/pelaburan dapat membantu meningkatkan kekayaan.
- iii. Membuat penilaian dan perbandingan tentang pelbagai alternatif pelaburan.



Hasil Pembelajaran

- i. Membezakan antara simpanan dan pelaburan.
- ii. Mengenal pasti jenis-jenis akaun simpanan.
- iii. Mengenal pasti jenis-jenis pelaburan.

DEFINISI SIMPANAN DAN PELABURAN

Simpanan

Wang yang disimpan secara fizikal atau di dalam bank, untuk tujuan kegunaan di masa hadapan.

Wang yang disimpan di bank yang akan memberi pulangan mengikut kadar keuntungan dan tempoh simpanan.

Pelaburan

Pertukaran wang kepada asset dengan harapan asset itu akan menghasilkan pendapatan serta memperoleh pertambahan nilai pada masa hadapan.

Jenis-jenis Simpanan

Akaun Simpanan

- Pemegang akaun boleh menyimpan sebarang amaun mengikut kemampuan.
- Pemegang akaun menerima kadar keuntungan berdasarkan jumlah simpanan.
- Pemegang akaun boleh mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa.

Akaun Simpanan Tetap

- Menyimpan sejumlah wang tertentu untuk satu tempoh (3 bulan, 9 bulan atau setahun).
- Pemegang akaun ditawarkan kadar keuntungan yang lebih kompetitif.
- Wang tidak boleh dikeluarkan sebelum tempoh matang.
- Sijil simpanan akan dikeluarkan.

Akaun Semasa

- Simpanan boleh digunakan untuk tujuan peribadi atau perniagaan.
- Pemegang akaun boleh melakukan pembayaran kepada pihak lain melalui cek.
- Simpanan dalam akaun tidak dibayar kadar keuntungan, sebaliknya dikenakan caj perkhidmatan.
- Pemegang akaun diberi kemudahan overdraf iaitu pengeluaran wang melebihi baki simpanan.

Jenis-jenis Pelaburan

Saham

- Sebuah syarikat akan menerbitkan saham bagi tujuan mengumpulkan modal.
- Pemegang saham akan menerima pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal.

Amanah Saham

- Dikendalikan oleh syarikat unit amanah yang diuruskan oleh pengurus profesional yang bertauliah dalam bidang pelaburan.
- Syarikat unit amanah akan mengumpulkan wang daripada pelabur dan wang itu dilaburkan dalam pelbagai syarikat yang berpotensi.

Hartanah

- Pelaburan atas aset tidak alih seperti rumah, kedai, tanah dan sebagainya.
- Faktor-faktor yang akan dipertimbangkan dalam pelaburan hartanah adalah keadaan ekonomi, keupayaan menjana pendapatan iaitu sewa, lokasi serta prospek hartanah pada masa akan datang.
- Pemegang akaun diberi kemudahan overdraf iaitu pengeluaran wang melebihi baki simpanan.

Saham	• Sebuah syarikat akan menerbitkan saham bagi tujuan mengumpul modal. • Pemegang saham akan menerima pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal.
Amanah Saham	• Dikendalikan oleh syarikat unit amanah yang diuruskan oleh pengurus. • Syarikat unit amanah akan mengumpulkan wang daripada pelabur dan wang itu dilaburkan dalam pelbagai syarikat yang berpotensi.
Hartanah	• Pelaburan atas aset tidak alih seperti rumah, kedai, tanah dan sebagainya. • Faktor-faktor yang akan dipertimbangkan dalam pelaburan hartanah adalah keadaan ekonomi, keupayaan menjana pendapatan iaitu sewa, lokasi serta prospek hartanah pada masa akan datang.

Keuntungan Simpanan

Definisi	Ganjaran yang dibayar oleh institusi kewangan seperti bank kepada penyimpan.	
Jenis	Keuntungan mudah	Diberikan kepada penyimpan mengikut sesuatu kadar tertentu ke atas jumlah wang simpanan untuk sesuatu tempoh masa (dalam tahun) yang tertentu. Contoh: En. Z menyimpan sebanyak RM4,000 di bank dengan kadar keuntungan 2% setahun. Berapakah keuntungan yang diperolehi beliau selepas setahun? $RM4,000 \times 2\% = RM80$
	Keuntungan / kompaun	Dihitung berdasarkan wang simpanan asal dan juga keuntungan yang terkumpul daripada tempoh penyimpanan sebelumnya. Contoh: En. Z diberikan keuntungan kompaun dengan pengkompaunan sekali setahun. Berapakah jumlah simpanan beliau pada akhir tahun kedua? Jumlah simpanan pada akhir tahun pertama ialah RM4,080. Pengiraan bagi tahun kedua: $RM4,080 \times 2\% = RM81.60$ Dengan ini, jumlah simpanan En. Z pada akhir tahun kedua ialah: $RM4,080 + RM81.60 = RM4,161.60$



AKTIVITI :



1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan kecil.

2. Bariskan murid mengikut kumpulan masing-masing.

3. Guru akan mengemukakan soalan kepada semua kumpulan.

4. Murid berbincang di dalam kumpulan untuk menjawab (Berikan masa 10 saat).

5. Murid di hadapan menjadi wakil untuk menjawab.

6. Jika jawapan betul, kumpulan akan dibenarkan bergerak satu langkah ke hadapan, jika salah tidak dibenarkan bergerak.

7. Kumpulan yang tiba di garisan penamat dahulu dikira sebagai pemenang.

**AKTIVITI :**

Lengkapkan jadual di bawah dengan menghitung kadar keuntungan dan jumlah simpanan selepas setahun untuk setiap situasi. (Tunjukkan jalan kerja)

JUMLAH SIMPANAN	KADAR KEUNTUNGAN	TEMPOH SIMPANAN (TAHUN)	JUMLAH KEUNTUNGAN	JUMLAH SIMPANAN
RM2000.00	2%	1		
RM2000.00	3%	1		
RM5000.00	4%	2		
RM5000.00	5%	2		

NILAI PULANGAN DAN RISIKO

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mencapai matlamat jangka panjang yang berkaitan dengan simpanan dan pelaburan bagi memberikan jaminan kewangan dan kekayaan.



Objektif

- i. Murid dapat mengenali definisi nilai pulangan pelaburan.
- ii. Murid dapat memahami perbezaan pulangan amanah saham.
- iii. Murid perlu mengambil tahu faktor yang perlu diambil kira sebelum membuat pelaburan.



Hasil Pembelajaran

- i. Mengenal pasti nilai pulangan atas setiap ringgit yang dilaburkan oleh pelabur.
- ii. Mengenal pasti perbezaan antara dividen, syer bonus dan keuntungan modal.
- iii. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi nilai pulangan pelaburan.

NILAI PULANGAN DAN RISIKO

Nilai Pulangan Pelaburan

Definisi


- Nilai pulangan atas setiap ringgit yang dilaburkan oleh pelabur.
- Nilai pulangan merupakan nisbah keuntungan atau kerugian yang diperoleh daripada sesuatu pelaburan.

Formula mengira nilai pulangan

$$\text{Nilai pulangan pelaburan} = \frac{\text{Jumlah pulangan}}{\text{Nilai pelaburan awal}} \times 100$$

Pulangan Amanah Saham

- Amanah saham adalah antara alternatif pelaburan yang baik untuk pelaburan jangka masa sederhana (3-5 tahun) dan panjang (lebih daripada 5 tahun).
- Ianya berisiko rendah kerana diuruskan oleh pengurus dana profesional yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti dan dipantau oleh Bank Negara Malaysia.



Pulangan atas Pelaburan bagi Hartanah

Pelaburan atas hartanah ialah salah satu pelaburan yang membawa pulangan dalam bentuk sewa dan keuntungan modal.



Tanah

Sewa dan keuntungan modal



Rumah

Sewa dan keuntungan modal



Lot komersial

Sewa dan keuntungan modal

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Nilai Pulangan Pelaburan bagi Hartanah

- **Keadaan Ekonomi:**
Keadaan ekonomi yang baik akan meningkatkan harga hartanah kerana permintaan terhadap hartanah akan meningkat.
- **Lokasi:**
Kedudukan hartanah di lokasi strategik seperti berhampiran dengan pusat bandar raya berbanding dengan hartanah di kawasan luar bandar.
- **Situasi politik:**
Situasi politik yang stabil akan meningkatkan permintaan ke atas hartanah. Keadaan politik yang tidak aman akan mengurangkan permintaan terhadap hartanah.

Faktor yang Perlu Diambil Kira Sebelum Seseorang Membuat Pelaburan

- **Potensi Risiko Pelaburan:**

Kemungkinan sesuatu ketidakpastian yang mungkin dialami daripada pelaburan yang dilakukan.

- **Tahap Pulangan:**

Keuntungan yang dinikmati oleh pelabur daripada aktiviti pelaburan yang dilakukan.

- **Aspek Kecairan:**

Berkaitan seberapa seberapa segera boleh ditunaikan daripada sesuatu pelaburan atau simpanan tersebut.

Perbandingan Pelbagai Jenis Simpanan dan Pelaburan Dari Segi Tahap Risiko, Pulangan dan Kecairan

Jenis Pulangan	Tahap Risiko	Tahap Pulangan	Tahap Kecairan
Simpanan	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Simpanan Tetap	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Saham Syarikat	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Hartanah	Rendah	Tinggi	Rendah
Unit Amanah	Rendah	Sederhana	Tinggi



AKTIVITI :



1. Guru memberikan **tiga situasi pelaburan** dan meletakkannya di tiga lokasi yang berbeza.
2. Murid diminta pergi ke setiap lokasi dan membaca situasi.
3. Selepas pergi ke tiga-tiga lokasi, murid diminta berkumpul di lokasi pilihan mereka.
4. Di lokasi, murid akan menyenaraikan sebab-sebab mereka memilih lokasi tersebut.
5. Guru akan memilih murid secara rawak untuk membentangkan hasil dapatan mereka.

SITUASI

Bapa anda telah bersara dan menerima wang persaraan daripada syarikatnya sebanyak **RM400,000.00**. Di bawah merupakan tiga pilihan pelaburan yang berbeza untuk dipilih oleh bapa anda. Cadangkan pilihan yang terbaik untuk ayah anda.

PILIHAN 1

Membeli sebuah pangsapuri kos sederhana di Kajang yang bernilai RM150,000.00 dan menerima sewa sebanyak RM800.00 sebulan. Wang selebihnya disimpan dalam simpanan tetap dengan kadar keuntungan 4% setahun.

PILIHAN 2

Menyimpan RM200,000.00 dalam akaun simpanan dengan kadar keuntungan sebanyak 1% setahun dan baki RM 200,000.00 disimpan dalam akaun simpanan tetap dengan kadar keuntungan 4% setahun.

ELEMEN CK 5

PENGURUSAN KREDIT & HUTANG

KAD KREDIT

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi berkaitan dengan hutang yang ditanggung dan dapat mengekalkan kebolehpercayaan kredit.



Objektif

- Murid dapat mengenalpasti definisi kredit dan hutang.
- Murid dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan kad kredit.



Hasil Pembelajaran

- Membezakan cara penggunaan kad kredit yang boleh memberikan kesan yang baik atau buruk.
- Menjelaskan perbezaan pembayaran minimum dan pembayaran lewat.

1

PENGENALAN

Gaya hidup masa kini yang moden dan pantas memerlukan pengguna membudayakan transaksi tanpa tunai (*cashless*). Keterujaan anak muda menggunakan kad kredit untuk berbelanja tanpa kawalan menjadi salah satu punca mengapa ramai golongan muda mufliis.

Namun, pengetahuan tentang penggunaan kad kredit sangat penting sebagai panduan supaya penggunaannya menjadi suatu kebaikan bukan keburukan.



2


APAKAH MAKSUD KREDIT DAN HUTANG

Kredit bermaksud kemudahan membayar terkemudian daripada penerimaan barang, penangguhan pembayaran (bagi barang yang dibeli) dengan bayaran beransur-ansur. Pembayaran ini ada tempoh tertentu dan kadar faedah yang tertentu akan dikenakan jikalau melepasi tempoh bayaran yang ditentukan. **Hutang** ialah suatu amaun wang yang telah dipinjam tetapi belum dilunaskan.

3

APA ITU KAD KREDIT

Dengar sahaja ‘kad kredit’, sudah pasti banyak tanggapan negatif yang akan keluar di minda kita berkaitan bebanan hutang, mufliis dan sebagainya. Realitinya, kad kredit diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna.



Kad Kredit ialah kaedah pembayaran yang membolehkan pengguna memperoleh barangan atau perkhidmatan secara pinjaman kredit.



AKTIVITI :

Tujuan: Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kad kredit.

KELEBIHAN KAD KREDIT

--	--	--

KEKURANGAN KAD KREDIT

--	--	--

Dibebani caj
tambahan – caj
kewangan, caj
bayaran lewat

Kemudahan
membeli atas talian

Masalah
keselamatan
kebocoran maklumat

Kaedah pembayaran
mudah dan cekap

Tidak perlu
membawa wang
yang banyak

Menggalakkan
pembelian
melampau

Arahan: Laksanakan kuiz pada pautan berikut:
KELEBIHAN DAN KEKURANGAN KAD KREDIT
- Group sort (wordwall.net) atau imbas kod QR di sebelah.



4

CARA PENGGUNAAN KAD KREDIT DENGAN BIJAK

- i. Membuat bayaran penuh bagi mengelakkan caj-caj kewangan dikenakan.
- ii. Elak menggunakan kad kredit jika tidak mampu membuat bayaran bulanan.
- iii. Hadkan bilangan kad kredit mengikut keperluan dan keupayaan membayar.
- iv. Jangan menggunakan kad kredit untuk mendapatkan pendahuluan tunai yang tidak diperlukan.
- v. Bayar sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan untuk mengelakkan caj penalti bayaran lewat.

Pemegang kad kredit harus membayar sepenuhnya baki hutang kad kredit untuk membolehkan mereka menikmati tempoh tanpa faedah. Namun, jika anda membayar sebahagian daripadanya, anda akan kehilangan keistimewaan bayaran tanpa faedah dan akan dikenakan caj tambahan.

5

BERBELANJA DAN MENGURUSKAN KEWANGAN

- i. Setiap kali terima gaji bulanan, pastikan anda mengasingkan sekurang-kurangnya 10% untuk dijadikan simpanan.
- ii. Utamakan keperluan berbanding kehendak. Jelaskan bayaran komitmen bulanan seperti kereta, rumah dan bil bulanan sebelum berhasrat untuk berbelanja ke arah memenuhi kehendak diri.
- iii. Belanja mengikut kemampuan dan elak berhutang untuk barangan bukan keperluan, kecuali bagi membeli barangan yang melibatkan amaun yang besar seperti kereta dan rumah.
- iv. Ketidakupayaan untuk menguruskan hutang seperti kad kredit, pinjaman peribadi dan seumpamanya dengan baik akan menyebabkan hutang menjadi tertunggak dan peminjam akan menanggung beban hutang dengan kadar faedah yang tinggi.

- v. Salah satu idea yang baik adalah mengasingkan sebahagian simpanan dan simpan dalam akaun yang tidak mudah untuk dikeluarkan. Sebagai contoh, simpanan seperti BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP), simpanan tetap atau simpanan berjangka.
- vi. Anda juga dinasihatkan supaya mempunyai pelan takaful/insurans yang mampu melindungi diri dan keluarga secara komprehensif.

Sumber: Berita Harian, 27 Jun 2022

Imbas kod QR atau klik pautan untuk baca artikel penuh:
Kad kredit 'jerat' generasi muda (bharian.com.my)



6

CARA PENGIRAAN CAJ TAMBAHAN KAD KREDIT

- i. **Caj Kewangan** – Caj kewangan akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan caj kewangan bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit berdasarkan kadar yang tertentu.
- ii. **Caj Bayaran Lewat** - Merupakan caj yang dikenakan pada baki tertunggak, jika tiada sebarang pembayaran dibuat selepas tarikh akhir pembayaran.



AKTIVITI :

Tujuan: Membuat perbandingan tawaran kad kredit.

Langkah:

1. Murid dibahagikan dalam kumpulan.
2. Murid membandingkan tawaran kad kredit yang diberikan di bawah berdasarkan bahan grafik.
3. Bincangkan yang manakah lebih berbaloi. Tulis dan bentangkan justifikasi dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.



GALI LUBANG, TUTUP LUBANG



Objektif

Menjelaskan hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dan cara untuk mengekalkan kebolehpercayaan kredit.



Hasil Pembelajaran

- Menghuraikan bahawa setiap hutang perlu dibayar dan kepentingannya.
- Menjelaskan kebaikan membayar hutang tepat pada masanya.
- Menjelaskan kepentingan untuk mewujudkan rekod kredit yang positif.



AKTIVITI:

Tujuan: Menenal pasti cara pengurusan wang dan hutang yang baik.

Langkah:

1. Murid dibahagikan kepada kumpulan 5 orang.
2. Guru memainkan atau memaparkan lagu Gali Lubang Tutup Lubang.
<https://www.youtube.com/watch?v=AEXY140BFFA>
3. Setiap kumpulan diberikan kertas sebak untuk menyenaraikan cara pengurusan wang dan hutang yang terdapat dalam lagu tersebut.
4. Setiap kumpulan diminta untuk membentangkan dan menerangkan kesan pengurusan wang dan hutang yang baik.



Laporan kajian Pantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 yang diterbitkan Bank Dunia, menganggarkan sejumlah 60% daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah daripada golongan muda, ekoran daripada tabiat berbelanja melebihi pendapatan.



Golongan muda merupakan penyumbang peratusan muflis paling tinggi.

Peminjam bertanggungjawab untuk melunaskan semula amaun pinjaman yang dipersetujui semasa perjanjian dengan pihak pemberi pinjaman atau institusi kewangan. Perjanjian pinjaman adalah tertakluk kepada kadar faedah dan tempoh pinjaman yang ditetapkan.

Semakin **panjang** tempoh pinjaman,
semakin **tinggi** faedah dikenakan.

Bagi memastikan hutang atau pinjaman diurus dengan baik, patuhi jadual pembayaran dan berbelanja mengikut kemampuan. Berdisiplin dalam melunaskan pembayaran pinjaman atau kad kredit akan menampilkan rekod kredit yang baik.

1

DEFINISI PINJAMAN PERIBADI DAN PEMBIAYAAN PERIBADI

Pinjaman Peribadi

Pinjaman peribadi adalah kemudahan pinjaman kewangan dengan pembayaran balik pada jumlah yang tetap setiap bulan bagi sesuatu tempoh.

Pembiayaan Peribadi

Pembiayaan peribadi adalah pinjaman peribadi yang patuh syariah. Konsep yang diguna pakai dalam pembiayaan peribadi berasaskan konsep Tawarruq.

2

JENIS- JENIS PINJAMAN PERIBADI

Pinjaman Peribadi Bercagar

berkonsepkan cagaran di atas aset peminjam seperti tanah, rumah, kereta, atau mana-mana aset sebagai jaminan atas pinjaman.

Pinjaman Peribadi Tak Bercagar

Jenis pinjaman ini tidak memerlukan sebarang jaminan atau cagaran keatas aset, akan tetapi, pihak bank boleh mengenakan kadar faedah yang tinggi akibat dari kadar risiko besar perlu ditanggung oleh pihak bank.

3

APA ITU REKOD KREDIT YANG BAIK?

Rekod kredit atau skor kredit adalah satu **sistem pemarkahan** yang menentukan kesihatan kredit, atau kesihatan kewangan anda. Setiap pinjaman anda, kad kredit, bayaran ansuran, dan pelbagai komitmen kewangan akan direkodkan. Rekod ini kemudiannya dipaparkan dalam laporan kredit anda.

Semakin **tinggi** skor kredit,
semakin **baik** pengurusan kewangan.

Rekod kredit ini akan menjadi **panduan** kepada institusi kewangan untuk mengenali pelanggannya. Pelanggan yang tidak pernah membuat pinjaman atau mempunyai kad kredit tidak akan mempunyai rekod kredit. Maka, ia akan menyukarkan pihak institusi kewangan untuk menilai potensi pelanggannya.

4

MANFAAT MEMPUNYAI REKOD KREDIT YANG BAIK

PELUANG KELULUSAN PINJAMAN/ KAD KREDIT LEBIH TINGGI	Menambah keyakinan pihak institusi kewangan
JIMAT WANG MELALUI KADAR FAEDAH	Skor kredit yang tinggi, menikmati kadar faedah lebih rendah
AKSES TAWARAN KAD KREDIT YANG LEBIH BAIK	Tawaran menarik seperti sifar yuran tahunan dan kadar faedah rendah
KELEBIHAN DALAM PERUNDINGAN	Anda boleh berunding untuk kadar faedah yang lebih rendah atau pelan pembayaran balik yang lebih baik
DAPATKAN HAD KREDIT YANG LEBIH TINGGI	Jika rekod atau skor kredit anda bagus, anda mungkin akan diberikan had kredit yang tinggi – dan sebaliknya

ELEMEN CK 6

PENGURUSAN RISIKO, PERLINDUNGAN & TAKAFUL/INSURANS



JAGA-JAGA, ADA YANG MEMERHATI

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan strategi pengurusan risiko secara wajar dan kos efektif bagi meminimumkan kegagalan kewangan dan mengekalkan kekayaan.



Objektif

Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti.



Hasil Pembelajaran

- Menyenaraikan tindakan bagi mencegah kecurian identiti.
- Menghuraikan masalah menjadi mangsa kecurian maklumat peribadi

1

MAKSUD KECURIAN IDENTITI

Kecurian identiti adalah perbuatan jenayah di mana seseorang mencuri maklumat peribadi anda seperti butiran:

- i. Kad pengenalan.
- ii. Pasport.
- iii. kad kredit atau kad debit.
- iv. Maklumat perbankan - nama pengguna, kata laluan dan nombor Transaction Authorisation Code (TAC).



AKTIVITI :

Murid diminta menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 jenis maklumat peribadi.



2

CARA MENCEGAH KECURIAN IDENTITI

- i. Sentiasa peka dengan panggilan, short message service (SMS), atau Whatsapp daripada pemanggil yang mengaku sebagai pihak berkuasa seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), syarikat dan individu yang tidak dikenali.
- ii. Simpan salinan pengenalan diri (kad pengenalan, lesen atau pasport) di tempat yang selamat.
- iii. Jangan kongsi maklumat perbankan seperti nombor kad debit, nombor PIN, nama pengguna, kata laluan dan nombor TAC anda dengan orang lain termasuk rakan terdekat.
- iv. Semasa membeli-belah dalam talian, pastikan laman web tersebut adalah sah. Laman web yang sah akan bermula dengan (https) dan mempunyai simbol kunci (pad lock). Penipuan melalui laman web dilakukan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah membuat laman web yang kelihatan seperti laman web yang sah yang ingin anda lawati bertujuan untuk mengumpan anda untuk memberikan maklumat anda bagi tujuan penipuan.



AKTIVITI :

1. Murid akan diminta menyenaraikan cara-cara mencegah kecurian identiti.
2. Murid diminta menjawab kuiz yang disediakan:
<https://wordwall.net/resource/35046397>



3

KESAN KECURIAN IDENTITI KEPADA MANGSA

Sebaik sahaja pencuri identiti mendapat maklumat peribadi mangsa, mereka boleh menggunakan maklumat tersebut untuk pelbagai perkara, seperti:

- i. Memohon pinjaman dan kad kredit menggunakan nama mangsa.
- ii. Membuat pembelian tanpa izin.
- iii. Menjual maklumat atau dokumen mangsa kepada syarikat lain atau pendatang haram.
- iv. Menjadikan akaun anda sebagai akaun keldai dan anda akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

Antara Contoh Kes Jenayah Komersil



AKTIVITI :

1. Murid akan diminta menonton iklan berkaitan scammer
<https://www.youtube.com/watch?v=rtE40WY8YrU>
2. Murid diminta menghuraikan kesan menjadi mangsa kecurian identiti.



HIDUP INI BERISIKO

Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan strategi pengurusan risiko secara wajar dan kos efektif bagi meminimumkan kegagalan kewangan dan mengekalkan kekayaan.



Objektif

Menerangkan tujuan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful.



Hasil Pembelajaran

- Menerangkan maksud dan kepentingan insurans/takaful.
- Memberikan contoh beberapa jenis insurans atau takaful dan mengenalpasti keperluan yang sesuai bagi setiap jenis.

JENIS INSURANS/TAKAFUL

i. Polisi insurans hayat menawarkan perlindungan sepanjang hayat dan premiumnya dibayar seumur hidup anda. Wang manfaatnya termasuk apa-apa bonus, akan dibayar setelah kematian atau sekiranya anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal.

- Insurans/Takaful hayat seumur hidup
- Insurans/Takaful *endowment*
- Insurans/Takaful hayat sementara

ii. Polisi insurans am melindungi daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung selain daripada risiko yang dilindungi hayat.

- Insurans/Takaful kemalangan
- Insurans/Takaful kebakaran
- Insurans marin/penerbangan



AKTIVITI :

1. Murid akan menerangkan perbezaan antara Insurans dan Takaful.
2. Murid diminta untuk menyenaraikan jenis insurans / takaful yang mereka tahu.



1

APA ITU INSURANS DAN TAKAFUL?

Insurans

Insurans adalah pemindahan risiko daripada seorang individu seperti anda kepada syarikat insurans. Sekiranya berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, syarikat insurans akan membayar pampasan kepada anda.

Takaful

Takaful adalah pelan perlindungan berdasarkan prinsip Syariah iaitu mencarum sejumlah wang ke dalam dana takaful dalam bentuk caruman penyertaan (tabarru). Berdasarkan kontrak (akad) anda bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain, sekiranya salah seorang peserta (pencarum) mengalami kerugian yang ditetapkan.

Membantu mengurangkan beban kewangan anda atau ahli keluarga apabila berlakunya **kerugian** atau **kemalangan**

2

KEPENTINGAN INSURANS/TAKAFUL

- i. Dapat membantu dalam situasi yang mana dana kecemasan tidak mencukupi dan berlaku musibah kematian. Manfaat insurans dan takaful dapat membantu waris menanggung dan memastikan hidup mereka dapat diteruskan.
- ii. Semua individu berhadapan dengan risiko yang tidak dapat diduga. Contoh, semakin banyak kita bergerak dengan kenderaan di atas jalan raya, semakin tinggi kebarangkalian untuk kemalangan yang bukan sahaja boleh menyebabkan kematian, tetapi juga kelumpuhan atau semakin berusia semakin bertambah jenis penyakit.

